

Dasar Hak Asasi Manusia Mitsubishi Electric Group

Perlindungan hak asasi manusia dan sokongan untuk hak asasi manusia yang dipersetujui di peringkat antarabangsa adalah amat mustahak bagi aktiviti perniagaan Mitsubishi Electric Group. Dengan yang demikian, sebagai ahli Kumpulan ini, kita mengiktiraf kewajipan kita untuk mencegah apa-apa keterlibatan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

Seiring dengan Mitsubishi Electric Group yang terus mengembangkan perniagaannya di seluruh dunia, Dasar Hak Asasi Manusia ini telah dibentuk selaras dengan semangat "[Tujuan](#)" dan "[Nilai Pegangan Kita](#)" Mitsubishi Electric Group. Dengan menjalankan aktiviti kita selaras dengan Dasar ini, kita menghormati hak asasi manusia semua orang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan kita dan menyumbang kepada pewujudan masyarakat di mana semua orang dihormati.

Skop hak asasi manusia untuk dilindungi

Dasar ini merangkumi hak asasi bagi semua pihak berkepentingan dalam aktiviti perniagaan Mitsubishi Electric Group, termasuk para pekerja (termasuk pekerja sementara, sambilan, kontrak dan pekerja bukan tetap yang lain), para pekerja rakan kongsi perniagaan, pelanggan, pengguna dan komuniti tempatan.

Skop Dasar ini

Mitsubishi Electric Group menerima pakai dasar ini untuk menghormati hak asasi manusia kepada semua eksekutif dan pekerja Mitsubishi Electric Group. Selain itu, kita turut menyumbang kepada pewujudan masyarakat yang menghormati hak asasi manusia dengan mendapatkan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan yang berkaitan dengan perniagaan, produk, dan perkhidmatan kita di seluruh rangkaian nilai.

Jangkaan untuk menghormati hak asasi manusia ditetapkan dalam Kod Tatalaku Mitsubishi Electric Group untuk pekerja dan dalam Kod Tatalaku Rangkaian Bekalan Mitsubishi Electric Group untuk rakan kongsi perniagaan.

Pematuhan dengan piawaian dan undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia

Mitsubishi Electric Group mengakui bahawa, sekurang-kurangnya, piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia ^{* 1} mesti

dihormati, seperti Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa berkenaan Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja. Berasaskan itu, kita hendaklah menghormati hak asasi manusia sambil memastikan kita memahami undang-undang dan peraturan yang relevan dengan secukupnya di setiap negara dan wilayah di mana kita beroperasi.

Sekiranya undang-undang dan peraturan sedemikian tidak mematuhi piawaian antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia, Mitsubishi Electric Group akan berusaha untuk bertindak balas selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sambil menghormati undang-undang tempatan.

*1: Norma dan garis panduan antarabangsa utama yang dirujuk oleh Kumpulan disenaraikan dalam Lampiran.

Struktur Pengurusan untuk Menghormati Hak Asasi Manusia

Mitsubishi Electric Group telah menubuhkan struktur*² untuk menangani penghormatan terhadap hak asasi manusia sebagai isu pengurusan utama, dan membincangkan serta menetapkan keputusan tentang dasar untuk menjadi panduan pelbagai tugas. Ini termasuk penggubalan, semakan, atau pemansuhan dasar berkaitan hak asasi manusia, pengesahan keputusan penilaian kesan hak asasi manusia dan kemajuan dalam langkah pengurangan risiko bagi isu-isu keutamaan, serta penambahbaikan mekanisme kilan. Status aktiviti-aktiviti ini dilaporkan secara berkala kepada Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah untuk panduan dan penyeliaan.

*2: Struktur pengurusan Kumpulan berhubung dengan menghormati hak asasi manusia diperihalkan dalam Lampiran.

Menghormati Hak Asasi Manusia

Mitsubishi Electric Group menghormati hak asasi manusia bagi semua orang yang terlibat dalam aktiviti perniagaannya.

[Larangan buruh kanak-kanak dan buruh paksa]

Kita menghormati hak asasi manusia dalam semua aspek aktiviti perniagaan kita dan tidak membenarkan buruh kanak-kanak atau buruh paksa.

[Tiada diskriminasi]

Kita tidak bertolak ansur dengan apa-apa bentuk diskriminasi berdasarkan kaum, etnik, kewarganegaraan, jantina, umur, kepercayaan, agama, status sosial, identiti jantina/orientasi seksual, kekurangan upaya, atau ciri-ciri lain.

[Larangan gangguan /Layanan berperikemanusiaan]

Kita tidak terlibat dalam apa-apa kelakuan yang menjejaskan maruah orang lain, seperti gangguan, cerca, fitnah, atau paksaan kerja

melalui ugutan. Kita akan memeriksa komunikasi dan tindakan harian kita untuk mengelakkan salah faham atau disyaki sedemikian.

[Layanan adil]

Kita menyediakan individu dengan peluang yang adil untuk mendapatkan pendidikan, pengalaman, kemahiran, dan keupayaan yang sesuai bagi setiap peranan dalam perniagaan. Kita melayani individu secara adil berdasarkan pengalaman, kemahiran, keupayaan, prestasi dan potensi pertumbuhan mereka.

[Waktu Kerja]

Kita menguruskan waktu kerja dan cuti dengan sewajarnya mengikut piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan selaras dengan undang-undang dan peraturan negara dan wilayah di mana kita beroperasi.

[Menghormati kepelbagaian individu]

Kita menghormati sifat kepelbagaian semua orang. Kita menghayati identiti tersendiri setiap orang dan menyediakan persekitaran kerja yang membolehkan pelbagai orang bekerja dengan motivasi dan semangat yang tinggi.

[Kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif]

Kita menghormati hak-hak asasi buruh. Kita menghormati kebebasan berpersatuan dan bahawa kesatuan buruh memegang tiga hak utama buruh (hak untuk bersatu, hak untuk perundingan kolektif, dan hak untuk bertindak secara kolektif). Kita berusaha untuk mengekalkan dan meningkatkan keadaan kerja dan persekitaran tempat kerja yang sihat, mengikut prinsip asas mencari penyelesaian isu melalui perbincangan yang rasional pada kedudukan yang sama antara buruh dengan pengurusan.

[Kesihatan dan Keselamatan]

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan, dan memastikan bahawa semua pekerja, termasuk pekerja kontraktor dan subkontraktor, boleh mengekalkan kesihatan fizikal dan mental mereka dan bekerja dalam keadaan yang baik.

[Menghormati privasi]

Kita melindungi maklumat peribadi setiap orang yang terlibat dalam aktiviti perniagaan Kumpulan, termasuk rakan kongsi perniagaan, pelanggan, pengguna dan pekerja. Kita hanya mengumpul maklumat peribadi dengan cara yang adil, telus dan selamat mengikut undang-undang dan norma sosial, dan menggunakan, mengekalkan, dan mendedahkan maklumat peribadi dengan ketat dalam skop tujuan penggunaannya. Kita mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan akses tanpa kebenaran, kecurian, kehilangan, dan pemalsuan maklumat peribadi.

Pertimbangan kepada kumpulan rentan

Mitsubishi Electric Group memberi perhatian khusus dalam aktiviti perniagaannya kepada ahli-ahli individu bagi kumpulan atau etnik yang mungkin berisiko lebih tinggi terhadap kesan hak asasi manusia, seperti kanak-kanak, pekerja migran, dan etnik minoriti.

Usaha wajar hak asasi manusia

Mitsubishi Electric Group menjalankan usaha wajar hak asasi manusia selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, dan terus berusaha untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan, dan membetulkan kesan hak asasi manusia yang negatif yang mungkin ada pada aktiviti perniagaannya secara langsung atau tidak langsung melalui rantaian nilainya.

- ① Mitsubishi Electric Group menjalankan penilaian kesan hak asasi manusia di seluruh rantaian nilainya dengan kepakaran dalaman dan luaran untuk mengenal pasti dan menilai isu-isu hak asasi manusia penting yang perlu ditangani oleh Kumpulan. *³
- ② Kita mengambil langkah-langkah terhadap isu-isu hak asasi manusia yang dikenal pasti, dan segera mengambil tindakan pembetulan jika aktiviti perniagaan kita didapati telah menyebabkan atau telah terlibat dalam kesan hak asasi manusia yang negatif. Dalam pencegahan dan juga pemulihan, kita akan bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan dan pihak berkepentingan lain sebagaimana diperlukan.
- ③ Mitsubishi Electric Group memantau situasi secara berkala untuk menentukan sama ada aktiviti untuk mencegah dan membetulkan kesan hak asasi manusia yang negatif berkesan atau tidak.
- ④ Mitsubishi Electric Group mendedahkan amalan hak asasi manusianya, termasuk usaha wajar hak asasi manusia, secara berkala.

*3: Isu-isu hak asasi manusia yang dianggap keutamaan tinggi oleh Kumpulan disenaraikan dalam Lampiran.

Remedi

Mitsubishi Electric Group menerima pertanyaan daripada semua pihak berkepentingan (pekerja, rakan kongsi perniagaan, pelanggan, pengguna, penduduk tempatan, dan lain-lain) setiap hari sepanjang tahun melalui [Meja Hubungan Hak Asasi Manusia](#). Jabatan-jabatan yang berkaitan akan segera menyiasat fakta-fakta yang berkaitan dengan kandungan setiap aduan. Jika penyiasatan menemui apa-apa perbuatan pelanggaran hak asasi manusia dalam rantaian nilai Kumpulan, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk membetulkan dan memperbaiki situasi itu dengan pantas, memberikan remedi kepada mangsa, dan mendisiplinkan pihak yang bersalah selaras dengan Prinsip Panduan PBB.

Walaupun maklumat yang diterima di Meja Hubungan akan dikongsi dengan jabatan yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah, skop perkongsian akan dihadkan kepada apa yang benar-benar diperlukan sahaja. Tindakan balas terhadap sesiapa sahaja kerana membuat laporan adalah dilarang.

Pendidikan dan komunikasi

Mitsubishi Electric Group secara berterusan menyediakan pendidikan dan aktiviti peningkatan kesedaran bagi memastikan setiap pegawai dan pekerja individu memahami dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memupuk rasa hormat kepada hak asasi manusia.

Dasar ini dan inisiatif yang berkaitan disampaikan secara dalaman dan luaran dan boleh diakses oleh semua pihak berkepentingan (termasuk pekerja, rakan kongsi perniagaan, pelanggan, pengguna dan komuniti tempatan).

Penglibatan pihak berkepentingan

Mitsubishi Electric Group memastikan keberkesanan inisiatif hak asasi manusia melalui dialog dengan kumpulan yang terjejas secara negatif, pakar, NGO, dan organisasi masyarakat sivil yang lain.

Semakan dan peningkatan dasar

Mitsubishi Electric Group akan secara berterusan mengkaji semula dan menambah baik Dasar ini berdasarkan perubahan kemasyarakatan, pandangan daripada pakar luar, dan dialog serta perundingan dengan pihak berkepentingan.

Dasar individu*⁴ akan dibangunkan mengikut keperluan untuk tindakan yang konkrit dan berkesan mengenai isu-isu tertentu.

*4: Dasar individu Kumpulan diperihalkan dalam Lampiran.

Tarikh Pembentukan: 20 September, 2017

Tarikh semakan: 20 Ogos, 2024

Mitsubishi Electric Corporation

Presiden dan CEO

KEI URUMA

[Lampiran]

*1 : Norma antarabangsa utama, garis panduan, dan lain-lain

Mitsubishi Electric Group mengiktiraf piawaian antarabangsa utama berikut mengenai hak asasi manusia yang perlu didukung.

- Rang Undang-Undang Hak Asasi manusia Antarabangsa
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional
- Panduan Usaha Wajar OECD untuk Tatakelakuan Perniagaan yang Bertanggungjawab
- Prinsip Panduan PBB berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
- Rangka Kerja Pelaporan Prinsip Panduan PBB

- Perisytiharan ILO berkenaan Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja
- Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- ISO 26000 (Panduan Tanggungjawab Sosial)
- Piawaian GRI
- Tatakelakuan RBA (Perikatan Perniagaan Bertanggungjawab)

*2 : Struktur pengurusan berhubung dengan penghormatan terhadap hak asasi manusia

Struktur pengurusan Kumpulan untuk menghormati hak asasi manusia ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah ini.



[Lampiran]

*3 : Isu hak asasi manusia yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan

Berdasarkan insiden berkaitan buruh yang berlaku pada masa lalu dan hasil penilaian kesan hak asasi manusia yang dijalankan oleh organisasi pakar pihak ketiga sebagai sebahagian daripada usaha wajar hak asasi manusia Kumpulan pada tahun kewangan FY2023, Mitsubishi Electric Group telah mengenal pasti isu hak asasi manusia yang paling penting yang berpotensi memberi kesan kepada pemegang hak yang berbeza (pekerja, rakan kongsi perniagaan, pengguna, pelanggan dan komuniti sekitar) dalam rantai nilai Kumpulan, sebagaimana yang ditunjukkan dalam carta di bawah ini.

Category Priority	Employee	Supply Chain	Product & Service	Common Issue
The most salient human rights issues	Working Environment	Suppliers & Labor Standards	Privacy & Information Security	
	Occupational Safety & Health	Forced, Slave & Debt Labor		
Other human rights issues		Child Labor		
	Non-discrimination & Equal Opportunities	Conflict Minerals	Right to Life & Security	Fraud, Bribery, Corruption
	Collective bargaining & Freedom of Association		Product Quality & Safety	Environmental Impacts
	Forced, Slave & Debt Labor		Ethical Use of Technology	Diversity, Equity & Inclusion (DE&I)
Young Worker		Responsible Marketing & Sales	Risks in Conflict-affected & High-risk Countries	
		Land Rights	Grievance Mechanisms & Access to Remedies	

*4 : Dasar berkaitan

Mitsubishi Electric Group telah membentuk dasar-dasar berikut untuk mengambil langkah-langkah konkrit dan berkesan bagi menangani isu-isu tertentu dan untuk memastikan bahawa aktiviti untuk menghormati hak asasi manusia adalah berkesan.

- Kod Tatalaku Mitsubishi Electric Group (meliputi perolehan yang adil, pengiklanan dan promosi yang adil, menghormati hak asasi manusia pekerja, keselamatan dan kualiti produk, kawalan import/eksport, larangan rasuah, persaingan adil, menyekat perhubungan dengan pertubuhan anti-sosial, perlindungan harta intelek, dan pemuliharaan alam sekitar)
- Dasar Etika AI

[Lampiran]

- Dasar Privasi
- Pernyataan DE&I (Kepelbagaian, Kesaksamaan, dan Inklusi)
- Kod Tatalaku Rantaian Bekalan Mitsubishi Electric Group

(Tamat dokumen)